

GERAKAN MENCHEGAH PENYAKIT TAON

BANDAR BRUNEI. — Kira2 20,000 orang penduduk negeri ini telah di-suntik dengan ubat penchegegah penyakit taon dalam masa dua minggu gerakan menyuntik itu di-jalankan oleh Pejabat Perubatan Negara.

Pejabat Perubatan telah melancarkan gerakan menyuntik itu sa-telah di-ketahui bahawa penyakit taon telah wabak di-beberapa kawasan di-Sarawak ia-itu negeri tetangga Brunei.

Untuk menjalankan gerakan itu ubat telah di-terbangkan dari Persekutuan Tanah Melayu dan juga dari Australia oleh Pertubuhan Kesehatan Dunia.

Untuk menjauhi wabak yang berlaku di-Sarawak itu dari berjangkit ka-Brunei Pejabat Kesehatan Brunei telah juga berwaspada di-lapangan terbang dimana orang2 yang masuk dan keluar dari Brunei di-kehendaki mempunyai keterangan bahawa ia telah di-suntik.

Sa-lain dari itu beberapa pasokan kesehatan telah di-perentahkan melawat ka-kampung2 di-seluruh negeri untuk menjalankan kerja menyuntik.

Kerja menyuntik itu juga di-jalankan di-rumah2 sakit kerajaan dan klinik2 kerajaan.

Dalam satu siaran Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff berkata bahawa tanda2 penyakit taon itu berlainan dari sa-orang ka-sa-orang.

"Biasa-nya orang yang sakit itu muntah dengan sa-konyong2 dan di-serang oleh cheret beret. Cheret beret itu akhir-nya berwarna seperti ayer kanji.

"Orang yang di-serang oleh penyakit taon itu berasa sakit dalam perut dan urat2 kaki tangan menjadi keras. Akhir-nya ia akan letih lesu dan mungkin

mati jika tidak di-rawat dalam masa 3 hingga 48 jam."

Gerakan menyuntik itu telah berjalan dengan rapi-nya di-daerah2 Brunei, Tutong dan Temburong. Dalam minggu ini pa-

sokan2 perubatan itu di-jadualkan melawat ka-kampung2 di-daerah Belait.

Daerah Belait mempunyai 32,000 orang penduduk tetapi hanya baharu 6,000 orang sahaja dapat di-suntik.

Kampung2 yang di-jadualkan untuk di-lawati itu ia-lah, Kuala Balai, Bukit Puan, Bukit Sawat, Bandar Seria, Sungai Liang, Labi, Ulu Belait dan Bandar Belait.

Untuk menjayakan gerakan itu penghulu2 dan ketua2 kampung ada-lah di-minta memberi kerjasama mereka supaya dapat di-chegah penyakit itu berjangkit dari Sarawak.

Ranchangan bekalan listrik

BANDAR BRUNEI. — Ranchangan hendak memberi bekalan listrik kepada kampung2 di-seluruh negeri telah dapat di-laksanakan di-Kilanas dan Mulaut pada pertengahan bulan lepas.

Dalam satu siaran Jurutera Listrik Negara, Tuan S. Rajaratnam berkata bahawa wire listrik yang di-pasang di-tempat2 tersebut sekarang ini membawa tenaga listrik.

Wire itu mengandungi tenaga

11,000 volt dan di-pasang mengikut Jalan Tutong.

Oleh sebab wire itu merbahaya Tuan Rajaratnam mengingatkan penduduk2 kampung itu supaya jangan mengusek wire2 listrik itu.

PUTERI DI-RAJA BERSIRAM



Istiadat bersiram Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah, anakanda yang ketiga ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri telah di-langsungkan di-Istana Darul Hana pada 22 July yang lalu.

Lebih lima ratus orang telah hadir dalam istiadat tersebut, termasuk-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan isteri, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan isteri, Yang Amat Mulia Dato Paduka Pengiran Shahbandar dan isteri, Ahli2 Majlis Meshuarat, Kerabat2 Diraja dan Ketua2 Pejabat Kerajaan.

Sa-banyak 12 das meriam telah di-tembakkan sa-baik sahaja istiadat itu di-mulakan.

Gambar menunjukkan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah sedang dalam istiadat bersiram yang di-mulakan dengan istiadat berbedak lebih dahulu.

WAKIL DYMM BALEK DARI MALAYA

BANDAR BRUNEI. —

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam telah baiek ka-Brunei pada hari Ahad 23 July yang lalu dari Kelantan sa-lepas menghadiri istiadat kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

Duli Pengiran Pemancha telah berangkat ka-Kota Bharu, Kelantan dengan kapal terbang dari Brunei pada hari Jumaat 14 July untuk mewakili Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Mohamed Yusof, Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Haji Mohamed Noor dan Pehin Bendahari Mohamed Taha.

Beliau2 itu telah menghadiri istiadat kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan sa-bagai pemerhati2 dari Negeri Brunei.

JAWATAN SETIAUSAHA KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Melayu dari perkhidmatan awam Persekutuan Tanah Melayu yang di-perbantukan ka-Brunei telah balek ka-Malaya pada hari Ahad lepas.

Mereka itu ia-lah Inche Wan Ahmad bin Omar Setia Usaha Kerajaan dan Inche Ali bin Hassan, Peguam Negara. Kedua orang pegawai itu telah berkhidmat di-Brunei memegang jawatan2 tersebut semenjak perlembagaan di-istiharkan pada 29 September 1959.

Inche Wan Ahmad dan Inche Ali telah balek bersama keluarga mereka.

Lantekan dokter

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang doktor yang di-perbantukan oleh Persekutuan Tanah Melayu untuk berkhidmat di-Brunei telah sampai di-sini dengan kapal terbang pada 31 July.

Beliau ia-lah Dr. T. Panch yang sa-belum datang ka-Brunei telah berkhidmat di-Kuala Trengganu. Dr. Panch telah berkhidmat dengan Kementerian Kesehatan Malaya sa-lama tiga tahun.

Orang2 kampung bergotong royong membena sekolah

LAMUNIN. — Sekolah Melayu Kampung Menengah di sini telah di-buka dengan rasminya pada pukul 10.40 pagi 23 July yang lalu oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Muhammad.

Yang Amat Mulia itu di-iringi oleh Ketua Nazir Sekolah2 Melayu Brunei, Inche Md. Husain bin Md. Yusuf; Nazir Sekolah2 Melayu Tutong, Inche' Othman bin Bidin; Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Omar dan beberapa orang pegawai2 dari Jabatan Penerangan dan Radio.

RAMAH MESRA

Rombongan tersebut telah disambut dengan ramah mesra oleh jawatankuasa pembukaan sekolah itu. Sa-baik sahaja sampai di-kawasan sekolah itu rombongan tersebut telah di-persilakan ka-tempat jamuan ringan yang disediakan untuk para2 jemputan sambil menyaksikan persembahan2 "panchak silat" dan "permainan gasing" dari penduduk2 kampung.

Sa-bagai achara terawal istiadat menaikkan bendera oleh ketua murid sekolah tersebut dengan di-iringi "lagu kebangsaan Negeri Brunei"; sa-telah itu Pengiran Kerma Indera telah membuka dengan rasmi-nya sekolah itu.

BEROLEH KEJAYAAN

Pengiran Kerma Indera berkata :

"Saya berdo'a kepada Allah semoga dengan taufik dan hidayah-nya penduduk2 kampung ini dan guru2nya dalam selamat sejahtera dan beroleh kejayaan pada masa hadapan."

Sa-telah itu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Setia Usaha Jawatan Kuasa Pembukaan Sekolah, Nazir Sekolah2 Melayu Da'erah Tutong, Ketua Nazir Sekolah2 Melayu dan Guru Besar Sekolah Melayu Kampung Menengah, Inche' Judin bin Abd. Karim; sa-

baik sahaja para jemputan masuk ka-dalam sekolah.

Sa-bagai mengakhiri upacara pembukaan sekolah itu, para jemputan telah di-jamu dengan makan tengah hari dan "do'a selamat" telah di-bachakan oleh Inche' Noordin bin Pilok penduduk kampung tersebut.

Sekolah itu yang di-buat dari pada perkakas2 kayu dan daun nipah telah di-bangunkan pada

tiga bulan yang lalu hasil dari kerja gotong royong penduduk2 kampung tersebut.

Inche' Judin bin Abd. Karim, Guru Besar Sekolah itu berkata:

DARI KEMAHUAN

"Sekolah ini ada-lah hasil yang terbit dari kemahuan dan semangat tiap2 orang kampung yang menyedari betapa guna-nya pelajaran pada tiap2 orang menurut kemajuan zaman.

"Sa-lama tiga bulan saya telah menjalankan tugas di-sekolah ini saya berasa gembira kerana dapat bekerja sama dengan orang2 kampung di-sini dalam pengertian berat sama di-pukul, ringan sama di-jinjing."

Guru Besar itu, juga menyampaikan harapan-nya kepada penduduk2 kampung tersebut supaya tugas2 yang di-sandangkan kepada beliau akan dapat bantuan dari penjaga murid2 baik sa-cha-ra umum, mahu pun dalam hal2 memberi semangat supaya kanak2 rajin belajar.

TAHNIAH DULI YANG MAHA MULIA KAPADA KAMPONG

BENGKURONG. — Duli Yang Maha Mulia telah memberi ucapan tahniah kepada penduduk2 Kampung Bengkurong atas usaha mereka mendirikan sa-buah sekolah sa-chara bergotong royong. Uchapan itu telah di-bachakan oleh Inche Noordin bin Abdul Latif, Penguasa Pelajaran Melayu Brunei dalam istiadat pembukaan sekolah tersebut pada 26 July.

Duli Yang Maha Mulia berkata :

"Sukachita-nya saya manakala mendapat perkhabaran yang mana di-Kampung Bengkurong ini akan melangsungkan pembukaan sekolah baharu pada pagi ini, ia-itu sa-bagai pertama kali di-dirikan di-kampung ini."

Sa-lanjut-nya titah ucapan Duli Yang Maha Mulia berbunyi :

"Kesukachitaan dan kegembiraan saya ini apa-lah kira-nya Jabatan Pelajaran akan dapat menyampaikan kepada penduduk2-nya dan sekalian yang hadir ia-itu mengucapkan berbilang2 terima kasih.

Rasa-nya sangat berbangga dan bertuah-nya bagi penduduk2 Kampung Bengkurong ini kerana telah dapat mendirikan sa-buah bangunan yang sangat2 memuaskan hati yang mana bangunan ini saya umpamakan ada-lah sa-buah bangunan yang mempunyai pelita yang sangat terang cahaya-nya,

pelita yang akan menerangi di-sekitar hutan rimba yang sedang semak ribun yang mempunyai beneh2 dan pokok2-nya yang sangat2 subur dan baik.

"Dan tersangat-lah beruntung-nya dan berjasa-nya bagi penduduk2 kampung ini kerana telah dapat menunaikan suatu kewajipan yang memang terletak-nya bagi tanggung jawab atas penghulu atau ketua serta anak2 buah-nya.

"Saya mengucapkan sa-tinggi2 tahniah atas usaha anak2 kampung yang sama memberatkan atau mengutamakan bagi faedah dan mustahak-nya pelajaran itu ada di-otak anak2 mereka, kesedaran dan keinsafan ini mudah2-an akan di-durongkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sa-moga menjadi pusaka yang kekal abadi dan sa-terus-nya akan bertiti dari sa-buah desa yang kecil ka-sa-buah kampung dan pekan.

"Apa-lah jua kira-nya izinkanlah saya melafadzkan ucapan terima kasih saya sa-kali lagi kepada tuan2 dan puan2 para penduduk di-kampung ini terutama-nya terima kasih saya kepada ketua kampung ia-itu atas terbukti-nya budi baik, kerjasama dan penat lelah yang di-sumbangkan kepada Jabatan Pelajaran Kerajaan Negeri Brunei sa-bagaimana yang kita dapat saksikan pada pagi ini dan perlu juga kira-nya kita tidak melupakan atas kerjasama yang di-berikan oleh Penghulu atau Ketua Kampung kepada Kerajaan dan kampung-nya itu, maka ini sa-harus-nya kita akan kenangkan atau ingatkan sa-bagai suatu jasa bakti-nya untuk peninggalan hidup-nya.

PENGHARGAAN

"Sukachita saya menyatakan ia-itu kerajaan adalah sangat2 menghargai akan chara yang di-buat oleh Penghulu atau Ketua serta dengan bantuan anak2 kampung-nya yang berbudi tinggi dan inginkan kemajuan, kerana dengan ada-nya jalan atau perbuatan yang sa-demikian ini akan menimbulkan suatu kesenangan serta membangkitkan semangat bekerjasama dan saling mengerti antara ra'ayat dengan kerajaan sa-bagaimana yang di-chita2kan oleh aliran zaman di-masa ini.

"Bagi mengakhiri ucapan kegembiraan saya di-atas pembukaan sekolah baru di-kampung ini maka saya berharap kepada murid2 yang di-kasehi sekalian belajar-lah terus belajar sa-hingga menjadi sa-orang yang benar2 terpelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan dan ketinggian budi dan menuntut lagi menuntut hingga menjadi sa-benar2 manusia yang sangat2 berguna kepada bangsa dan Tanah Ayer kita ini ia-itu Brunei Darussalam.

"Kapada tuan2 dan puan2 ibu bapa murid2 sekalian, mari-lah kita sama2 berdo'a kepada Tuhan sa-moga murid2 yang ada ini mahu pun yang akan datang supaya di-berikan hidayah dan petunjuk yang berkebaikan hidup di-dalam aman dan damai."

SEKOLAH BAHARU DI-DIRIKAN DI-BENGKURONG

BENGKURONG.—Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Bengkurong, Daerah Brunei dalam satu istiadat yang bersejarah pada pagi hari Jumaat yang lalu.

Dalam istiadat pembukaan rasmi sekolah tersebut Inche Noordin bin Abdul Latif, Penguasa Pelajaran Melayu, Brunei telah membaca titah ucapan dari Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara juga telah menyempurnakan satu istiadat menanam dua pohon rambutan di-kawasan Sekolah Melayu Bengkurong sa-bagai kenangan pembukaan rasmi sekolah Melayu

yang baharu itu.

Dalam istiadat tersebut Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara telah di-perkenalkan kapad Jawatan Kuasa Sekolah dan penduduk2 kampung serta memeriksa bariisan kehormatan terdiri dari murid2 sekolah itu.

MENANAM RAMBUTAN

Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Inche Noordin bin Abdul Latif, Penguasa Pelajaran Melayu Brunei; Inche Mohamed Yusof bin Tahir, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei; Tuan Haji Nayan, Ketua Kampung Bengkurong dan Chegu Mohamed Noor bin Panglima Ashkar Haji Abdullah, Guru Besar Sekolah Melayu Bengkurong.

Yang Mulia Penglima Ashkar Haji Abdullah telah membaca doa selamat sa-telah selesai ucapan2 tersebut.

Sa-lepas itu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyaksikan permainan orang2 kampung dan menyempurnakan istiadat menanam pohon2 rambutan.

Kemudian Yang Teramat Mulia itu menghadiri jamuan nasi dari orang2 kampung. Ramai para jemputan dan penduduk2 kampung Bengkurong telah hadir di-majlis itu.

Sa-belum berpisah Yang Teramat Mulia itu telah menandatangani buku pelawat2 ka-Sekolah Melayu Bengkurong dan di-ziarahi oleh penduduk2 kampung lelaki dan perempuan.

5 ORANG TERBUNOH DI-DAERAH TUTONG

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Iban telah mengamok pada hari Thalatha 25 July lepas lalu membunuh lima orang di-dua buah rumah di-Kampung Lamunin, Daerah Tutong.

Dalam rumah yang pertama itu orang Iban itu telah memanchong dengan parang sa-orang budak laki2, Koh Bah Boon berumur dua tahun dan saudara perempuan-nya Koh Bah Nang.

Dalam rumah yang kedua tiga orang telah terbunuh, sa-orang ibu Majang binti Abang dan dua orang anak-nya ia-itu Apong bin Kim Lang, laki2 berumur lima bulan dan Tinggal binti Ting Kee Lee, sa-orang gadis berumur 15 tahun.

Orang2 yang mati itu semuanya dari puak Dusun.

Berikutan dengan pembunuhan lima orang itu pulis telah melancharikan satu gerakan pemburuan manusia yang besar sa-kali yang pernah di-jalankan di-negeri ini.

Gerakan memburu itu di-ke-tuai oleh Pengiran Jaya, OCPD Brunei yang telah memasoki hutan dengan sa-pasokan pulis yang terdiri dari anggota2 pasokan Bandar Brunei.

Pasokan itu kemudian-nya telah di-bantu oleh pasokan pulis Sarawak yang berkhidmat di-Seria dan di-ke-tuai oleh A.S.P. Tuan M.F. Lutter.

Sa-lain dari pasokan2 pulis itu orang2 kampung2 telah juga menyertai pemburuan itu.

Orang yang mereka buru itu di-kenali dengan nama Mulap anak Danau dari Kampung Rantau Kepyang Limbang.

Suatu hadiah sa-banyak \$3,000 telah di-tawarkan oleh pulis kepada orang atau orang2 yang menangkap supaya pembunuhan itu dapat di-hukum kelak.

ISTIADAT PEMBUKAAN SEKOLAH



Murid2 dan guru sekolah Kampong Menengah bergambar ramai sa-telah istiadat pembukaan sekolah itu di-jalankan baharu2 ini.

Yang Teramat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Mohamed beruchap dalam istiadat pembukaan sekolah Melayu Kampong Menengah Tutong.



MESHUARAT BEKAS PENUNTUT

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei akan mengadakan meshuarat jawatan kuasa-nya bertempat di-dewan Maktab S.O.A.S. pada hari Jumaat 4 August, 1961 mulai dari pukul 9 pagi.

Ada-lah di-fahamkan bahawa jawatan kuasa persekutuan tersebut akan membincangkan berbagai2 perkara yang mustahak berkenaan dengan pen-dirian persekutuan itu dalam meshuarat-nya.



Sa-telah kemarau hampir sa-bulan lama-nya di-Bandar Brunei hujan telah turun menchurah2 baharu2 ini dan membanjiri kawasan2 yang rendah. Satu dari beberapa tempat yang rendah itu kawasan Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas. Kawasan maktab itu telah tenggelam seperti dalam gambar ini.

Dalam musim kemarau itu kebimbangan tentang perbekalan ayer sering di-suarakan oleh jurutera ayer dan nasihat telah di-beri kepada penduduk2 bandar supaya berjimat chermat menggunakan ayer.

HADIAH SHELL KAPADA PENUNTUT2

SERIA. — Sharikat minyak Brunei Shell Petroleum telah menyampaikan hadiah2 tahunan yang di-untokkan bagi penuntut2 yang terbaik dalam segala pelajaran.

Penuntut2 yang mendapat hadiah itu ia-lah kanak2 laki2 dan perempuan yang terbaik sekali dalam kelas-nya.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar dan Tuan Cheah Tat Kheam dari Pejabat Perhubungan Raya.

Hadiah2 itu berupa pen dan pensil dan di-berikan tiap2 tahun menurut shor pengetua2 sekolah dan pejabat pelajaran Negeri Brunei.

Hadiah2 yang sa-rupa itu juga telah di-berikan kepada penuntut2 sekolah2 misi dan China.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan pada tarikh2 yang berikut: Daerah Brunei 29 July; Tutong 30 July; Belait 1 August dan Temburong 2 August.

2 wakil dari Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Inche Md. Daud dan Wan Shafie ia-lah dua daripada enam orang wakil Brunei ka-seminar Pemuda Pemudi yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur dalam bulan ini.



Sa-pasokan pengakap dari Brunei telah berlepas ka-Malaya baharu2 ini kerana hadir dalam perkhemahan pengakap. Dalam gambar ini kelihatan mereka itu di-tambatan kapal Brunei sa-belum menaiki kapal ka-Labuan dalam pelayaran ka-Malaya.

KETETAPAN TARIKH PILEHAN RAYA BRUNEI

Pegawai dari Persekutuan mengatorkan pejabat

"Untuk menghilangkan keraguan di-hati orang ramai terhadap pendirian Kerajaan berhubung dengan pilihan raya maka ini ialah satu kenyataan berkenaan dengan perkara itu.

"Kerajaan menegaskan sekali lagi bahawa ada-lah chita2 hendak mengadakan pilihan raya dalam negeri ini sa-bagaimana yang telah di-bayangkan dalam perlembagaan tidak sekali2 berubah. Beberapa persiapan sa-benar-nya telah pun di-perbuat dan yang penting sa-kali yang telah berlaku ia-lah penubuhan suatu Jabatan Pilihan Raya di-dalam bulan November tahun 1960.

"Sa-orang pegawai yang berpengalaman dalam hal ehwal pilihan raya dari Persekutuan Tanah Melayu telah pun berada di-Brunei ini untuk melichinkan perjalanan pejabat yang baharu di-tubuhkan itu.

PERKARA MUSTAHAK

"Oleh kerana ini ia-lah pilihan raya yang pertama kalinya yang akan di-adakan dalam negeri ini maka sudah tentu mustahak-nya kerajaan melantek pegawai2 tempatan supaya mereka dapat memperoleh pengetahuan yang yang cukup berkenaan dengan peraturan dan perjalanan pilihan raya dan undang2 yang akan di-perbuat.

"Berthabit juga dengan pilihan raya ini ia-lah perkara hendak menentukan berapa banyak-nya penduduk2 dalam negeri yang di-jangkakan boleh mempunyai hak mengundi. Berkaitan dengan soal ini maka mustahak-lah kerajaan menunggu persiapan yang telah di-perbuat berkenaan dengan perkara banchi penduduk2 negeri ini.

MENENTUKAN TARAF

"Bilangan banchi ada-lah perlu di-pergunakan dalam kira menetapkan bilangan kerusi dalam tiap2 Majlis Meshuarat Daerah. Kerja2 ini boleh-lah di-katakan sudah hampir tamat dan akan di-sematkan dalam undang2 yang berkenaan.

"Sa-lain daripada perkara2 yang di-sebutkan di-atas maka yang mustahak-nya lagi ia-lah perkara hendak menentukan taraf keraayatan penduduk2 di-negeri ini kerana dengan soal ini kerajaan sa-meming mengetahui bahawa ada-lah untuk faedah negeri ini sendiri bahawa orang2 yang menjadi chalon2 pilihan raya dan orang2 yang mengundi dalam pilihan raya hendak-lah mempunyai taraf keraayatan negeri.

"Dalam bulan October tahun 1960 kerajaan sudah pun menyediakan rang undang2 yang telah di-terbitkan dalam Warta Kerajaan bertarikh 24 hari-

Kerajaan Brunei telah mengumumkan baharu2 ini bahawa syarat2 dalam perlembagaan mengenai pilihan raya akan di-jalankan tidak lewat dari 18 October 1962.

Pada mula-nya pilihan raya itu di-jadualkan bagi di-adakan dua tahun sa-telah Majlis Meshuarat Negeri yang ada sekarang di-tubuhkan berikutan dengan pemashhoran perlembagaan itu pada 29 September, 1959.

Apabila di-adakan pilihan raya itu kelak ahli2 Majlis Meshuarat Daerah akan di-pilih oleh ra'ayat yang berhak mengundi mengikut syarat2 dalam Undang2 Kera'ayatan.

Ahli2 Majlis Meshuarat Daerah itu akan memilih 16 orang daripada mereka untuk menduduki kerusi2 Majlis Meshuarat Negeri sa-bagai ahli2 yang di-pilih.

Dalam pengumuman itu yang di-sampaikan oleh Dato Setia Pengiran Haji Yusof bin Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negara, melalui Radio Brunei ada-lah di-terangkan sebab2 tarikh pilihan raya itu mustahak di-tetapkan seperti yang di-sebutkan.

Pengumuman itu sa-penoh-nya berbunyi :—

bulan October, 1960 berkenaan dengan soal taraf keraayatan. Sa-bagaimana yang sedia maalom ada-lah rang undang2 itu telah menerima beberapa tegoran daripada beberapa lapisan raayat dan ada-lah tegoran2 itu semua-nya telah diterima dan sedang di-pertimbangkan.

"Undang2 berkenaan dengan taraf keraayatan ia-lah satu Undang2 Kebangsaan yang penting sa-kali dan mesti-lah menerima perhatian yang halus dan chermat.

MEMAHAMI KESULITAN

"Oleh yang demikian ada-lah kerja2 menimbangkan tegoran2 atau pun sukongan2 daripada beberapa lapisan raayat itu telah mengambil masa dan sa-hingga hari ini boleh di-katakan 75% daripada perkara2 yang mustahak itu sudah pun di-pertimbangkan.

"Dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi rang Undang2 Keraayatan yang baharu akan di-kemukakan sa-mula ke hadapan raayat untuk di-perhatikan. Dengan ada-nya keterangan yang di-beri ini maka kerajaan berfikir raayat negeri ini tentulah dapat memahami kesulitan dan kesusahan yang telah di-hadapi untuk melaksanakan chita2 hendak mengadakan pilihan raya

di-negeri ini.

"Keterangan ini ia-lah untuk maalom penduduk2 negeri ini supaya mengetahui bahawa ada-lah tarikh yang telah ditetapkan oleh perlembagaan untuk mengadakan pilihan raya tentu-lah tidak dapat di-sempurnakan.

"Tetapi ini tidak bermaana yang kerajaan tidak berniat hendak mengadakan pilihan raya. Ini bermaana yang kerajaan di-sebabkan beberapa perkara yang sudah di-sebutkan itu terpaksa-lah melanjutkan masa mengadakan pilihan raya, ka-satu masa yang lain.

"Dengan ini ada-lah kerajaan berazam akan mengadakan pilihan raya dalam negeri ini tidak lewat daripada 18 hari-bulan October tahun 1962.

ADIL DAN TERATOR

"Dalam tempoh ini di-jangka Undang2 Taraf Keraayatan akan dapat di-luluskan di-Majlis2 Meshuarat Kerajaan dan Negeri dan sudah itu pendaftaran raayat akan di-jalankan dengan sa-berapa chepat yang boleh dan sa-telah selesai baharu-lah boleh di-adakan pendaftaran2 pengundi.

"Kesemua-nya itu mustahak-lah di-kawal oleh undang2 supaya kerja2 menjalankan pilihan raya itu boleh di-perbuat dengan adil dan terator.

"Penduduk2 negeri ini sedia maalom maka ada-lah negeri ini baharu sahaja mendapat satu perlembagaan yang bertulis dan siapa2 juga membaca perlembagaan ini dengan teliti tentu-lah mengetahui ada beberapa perkara sa-lain daripada pilihan raya yang mesti hendak di-perbuat.

"Mengikut perlembagaan mustahak-lah pertama-nya mendirikan Majlis2 Meshuarat Negeri dan Kerajaan dan mengatorkan beberapa pejabat untuk menguruskan berapa perkara yang kusut dan yang telah lama tertinggal sa-belum-nya berjalan perlembagaan itu.

SIMPUL2 YANG KASUT

"Penduduk2 negeri ini sedia maalom bahawa ada-lah kerja2 membuat persediaan untuk mengadakan perlembagaan baharu itu telah mengambil masa kerajaan dan banyak kerja2 lain telah tertinggal.

"Sa-telah berjalan sahaja perlembagaan baharu maka mustahak-lah kerja2 yang tertinggal itu di-jalankan semula dan pejabat2 di-atorkan dengan pegawai2 yang baharu.

"Satu lagi kekurangan kerajaan ia-lah kekurangan pegawai2 supaya dapat di-khaskan kepada mereka untuk menjalankan kerja2 yang di-kehendaki oleh perlembagaan. Ini bermaana-lah bahawa dengan beberapa pegawai yang ada sekarang ini kerajaan dengan sa-berapa upaya-nya dapat menggunakan tenaga2 mereka itu untuk menghuraikan beberapa simpul2 yang kusut dan membuat ranchangan2 perkembangan untuk faedah raayat beserta juga membuat persediaan2 untuk pilihan raya.

BERKEPERCHAYAAN

"Penduduk2 negeri ini harus juga mengetahui bahawa kerajaan tidak juga lahai membuat persediaan2 untuk menubuhkan satu Ashkar Melayu Brunei. Dan ada-lah kerja2 yang patut di-perbuat terhadap perkara ini sangat-lah sulit dan juga menggunakan masa yang panjang.

"Bahkan dengan ini maka kerajaan berharap yang penduduk2 di-negeri ini supaya memahami kesulitan2 yang di-hadapi oleh kerajaan bukan-nya sahaja dalam soal pilihan raya tetapi juga dalam beberapa soal yang penting dalam perlembagaan dan juga kerajaan juga berharap yang penduduk2 negeri ini akan bersabar dan menaruh keperchayaan bahawa kerajaan akan meneruskan dengan sa-berapa daya upaya supaya boleh di-adakan pilihan raya di-negeri ini tidak lewat daripada 18 hari-bulan October, 1962."

PENUNTUT2 BALEK DARI U.K.

BANDAR BRUNEI. — Delapan belas orang penuntut2 Brunei yang melanjutkan pelajaran di-United Kingdom telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang, dalam bulan July yang lalu untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Penuntut yang pertama sampai di-Brunei dari United Kingdom ialah Sher Lock Chin. Ia telah tiba di-sini pada 10 July.

Tiga hari kemudian empat orang telah sampai di-Brunei. Mereka ialah Ghafar bin Haji Lamat, Kassim bin Daud, Abdul Aziz bin Abdul Latiff dan Awangku Omar bin Pengiran Limbang.

Ja'afar bin Noordin dan Awangku Sani bin Pengiran Ahmad pula telah sampai di-sini pada 15 July.

Rombongan yang ke-empat mengandungi sembilan orang telah sampai di-Brunei pada 23 July. Penuntut2 itu ialah Johar bin Noordin, Awangku Ismail bin Pengiran Mahmud, Ibrahim Hussaini, Johari Othman, Ariffin Ajmain, Othman Adol, Malai Ali bin Malai Othman, Awangku Bahrain bin Pengiran Abas dan Mahari bin Ismail.

Dua orang lagi penuntut2 tempatan di-United Kingdom, ia-itu Mohamed Husain bin Mohamed Daud dan Awang Hassan bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Haji Mohamed Yusof telah sampai balek di-Brunei pada hari Rabu yang lalu.

Sa-lain daripada delapan belas orang penuntut2 tersebut sa-orang Pegawai Kanan Kerajaan Brunei, ia-itu Awang Husain bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Haji Mohamed Yusof yang telah berangkat ka-United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran dan juga untuk menuntut ilmu pentadbiran telah balek ka-Brunei untuk berchuti.

Penuntut2 dan juga Pegawai Kerajaan tersebut akan balek ka-England untuk meneruskan pelajaran masing2 dalam bulan September hadapan.

TIGA PEGAWAI KANAN SHARIKAT DI-LANTEK MENJADI PENGARAH

SERIA. — Tiga orang pegawai2 kanan Sharikat Minyak Brunei Shell telah di-lantek menjadi pengarah2 Sharikat minyak itu. Beliau2 tersebut ia-lah Tuan P.A. Coates, Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei; Tuan H.R. George, Ketua Jurutera Minyak dan Tuan A.L. Crookford, Penguasa Urusan Teknikal sharikat tersebut.

Lantekan itu telah di-sahkan dalam Meshuarat Lembaga Pengarah Sharikat Minyak Brunei Shell yang telah di-langsungkan di-Seria baharu2 ini.

Pengarah2 baharu itu ada-lah berkhidmat bersama2 dengan Yang Berhormat Tuan P.M. Linton, Pengarah Urusan (Pengurus); Tuan G. Williams, Peng-

Tawaran kerja kapada buroh kasar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Buroh, Brunei mengumumkan kapada orang2 yang menchari kerja bahawa ada beberapa kerja kosong yang di-daftarkan di-Pejabat Buroh, Brunei.

Kenyataan itu menyebutkan bahawa tidak ada kerja2 kosong di-Pejabat2 Kerajaan atau di-Sharikat Minyak Brunei Shell.

Kerja2 kosong itu boleh di-dapati sekarang.

Walau bagaimana pun, ada lagi kerja2 yang mungkin kosong yang tidak boleh di-dapati dengan segera, kerana kerja2 itu telah di-penohkan buat sementara oleh orang2 dari luar negeri.

MASEH TERBUKA

Pengumuman itu selanjutnya berkata bahawa walau pun bagitu kerja2 sa-umpama itu maseh terbuka kapada pekerja2 tempatan di-masa hadapan dengan syarat orang2 laur negeri itu di-beri kenyataan yang berpatutan tempoh perjanjian-nya.

Kerja2 yang kosong sa-umpama itu tiada dapat hendak dinyatakan dengan sa-penoh-nya tentang bilangan dan alamat majikan2 itu, kerana ia-nya terlalu banyak, tetapi keterangan lanjut selalu di-hantarkan kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong.

Orang ramai boleh bertanya kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu untuk mendapat keterangan lanjut yang di-perlukan.

Penerangan yang sa-umpama itu juga boleh di-dapati dari Pejabat2 Pertukaran Buroh di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

CHONTOH KERJA

Chontoh kerja2 kosong itu ada-lah seperti pekerja2 jalan raya, penanam cable, tukang kebun, pekerja ladang, penangkap ikan, penolong penjaja pasar, penanam pipe, tukang kayu, pemandu kereta yang mempunyai pengalaman mekenik, penarek balak, pekerja2 kilang papan, buroh pelabohan dan pekerja2 umum.

Gaji pekerjaan2 tersebut adalah di-antara empat ringgit

hingga lima ringgit sa-hari untuk pekerja2 yang tidak berke-layakan dan naik hingga sabelas ringgit sa-hari bagi tukang2 seperti tukang perkakas rumah.

Pegawai2 di-Pejabat2 Pertukaran Buroh akan sentiasa membantu dan membincangkan tiap2 pemohon tentang chon-kerja yang boleh di-dapati.

Apabila pegawai2 itu menim-bangkan kerja yang tertentu yang bersesuaian kapada keadaan orang yang memohon, maka tidak ada prasangka kapada-nya untuk memilih kerja yang di-sukai-nya dari banyak2 kerja kosong yang ada di-papan pemberitahuan.

Untuk mendapat gambaran yang nyata tentang pengang-goran yang sa-benar-nya dari sa-bulan ka-sa-bulan, maka semua penganggor mesti-lah ber-daftar sa-mula pada tiap2 bulan, lebeh baik lagi dalam masa minggu pertama bulan itu.

KENYATAAN LANJUT

Lebeh lanjut kenyataan dari Pesuruh Jaya Buroh, Brunei berbunyi bahawa chuma dengan chara ini sahaja kedudukan penganggoran yang sa-benar-nya boleh di-ketahui, kerana pekerja2 yang telah berdaftar terlebeh dahulu mungkin mendapat kerja dengan daya usaha-nya sendiri dan tidak memberi tahu kapada Pejabat Pertukaran Buroh yang terus mendaftarkan nama mereka itu di-dalam buku penganggor.

Penganggor2 yang berkehen-dakkan kerja, mesti-lah berdaftar sa-mula dari sekarang dan pada tiap2 bulan yang berikutnya.

Lebeh baik lagi pendaftaran itu di-lakukan di-dalam masa minggu yang pertama bulan itu.

LADANG GETAH

Kerja2 kosong yang boleh di-dapati sekarang ia-lah seperti di-bawah ini:

Ladang Getah Bee Seng, Temburong: Kerja kosong bagi 8 orang penureh getah. Gaji-nya ia-lah dari empat ringgit hingga lima ringgit sa-hari. Tempat tinggal di-sediakan.

Ladang Chop Aik Thye, Temburong: Kerja kosong bagi 25 orang penureh getah. Gaji-nya \$4 hingga \$5 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Labu Estate, Labu, Temburong: Kerja kosong bagi 13 orang penureh getah. Gaji-nya dari \$4 hingga \$5 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Temburong Estate, Temburong: Kerja kosong bagi 15 orang penureh getah. Gaji-nya ia-lah dari \$4 hingga \$5 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Tukang Perkakas Rumah,

Chow Kwai, 27 Jalan Sultan, Brunei: Kerja kosong bagi sa-orang tukang perkakas rumah. Gaji-nya \$7 sa-hari dan tempat tinggal tidak ada.

RUMAH PERKAKAS

Fung Fook Choon, Jalan Berakas, Brunei: Kerja kosong bagi 25 orang tukang perkakas rumah. Gaji-nya dari \$4 hingga \$11 sa-hari dan tempat tinggal tidak di-sediakan.

Sheikh Nikman, 49 Jalan Sultan, Brunei: Kerja kosong bagi 33 orang pembaji balak. Gaji-nya dari \$4 hingga \$5 sa-hari dan tempat tinggal di-sediakan.

Chua Swee Chong, Muara: Kerja kosong bagi 5 orang penangkap ikan. Gaji-nya \$5 sa-hari dan tempat tinggal tidak di-sediakan.

Sidang guru2 sa-dunia

BANDAR BRUNEI. — Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof, Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei yang juga menjadi Pengerusi Tetap, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah berlepas dengan kapal terbang dari Berakas ka-New Delhi, India pada pagi hari Thalatha 25 July yang lalu.

Beliau telah pergi ka-sana untuk mewakili Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dalam Per-



Inche Mohamed Husain

sidangan Gabongan Persekutuan Guru2 Sa-Dunia.

Persidangan itu di-mulai dari 27 July dan di-teruskan sa-lama kira2 dua minggu.

Dalam persidangan tersebut Inche Mohamed Husain mengambal bahagian dalam berbaga2 perbincangan dan seminar.

Di-antara perbincangan dan seminar itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Seminar Teknik dan Pekerjaan Gabongan Persekutuan2 Guru2 Sa-Dunia. Majlis Kesehatan, Pelajaran, Gerak Badan dan Kongres Sukan Antara Bangsa. Meshuarat Pelajaran Dewasa, Seminar Pelajaran Kesehatan dan Persidang USO Antara Bangsa.

Chara2 dan ubat untok membunuh tikus

Pada keluaran kali ini kita siarkan sa-buah renchana mengenai chara menawan musuh tanaman padi yang lebeh memuaskan dan telah pun mendapat kejayaan sa-telah di-chuba baharu2 ini.

Penulis renchana ini, Inche Ahmad bin Haji Ismail, sa-orang Pegawai Pertanian dari Jabatan Pertanian Brunei, telah pernah menulis dalam beberapa perkara dalam bidang pertanian.

Menurut Inche Ahmad, chara ini ada-lah satu chara menawan "tikus" yang sangat memuaskan dan boleh mendapat berpuluh2 ekor dalam sa-kali pasang.

Chara ini ada-lah chara yang tidak merbahaya. Sa-terus-nya ikuti-lah tulisan beliau sa-lanjut-nya :

Tikus ia-lah musuh tanaman padi yang utama. Ia-nya juga salah satu binatang yang kechil dan suka bersembunyi di-tempat2 semak dengan membuat lobang2 dalam tanah serta bersarang.

Tikus salah satu binatang

di-perbuat khas, jerat dan sa-umpama-nya, semua-nya di-beriberumpan yang di-sukai tikus. Chara ini hanya dapat sa-ekor sahaja, kechuali di-jagai dan di-pasangkan semula.

Tetapi chara yang lebeh memuaskan ia-lah memakai bubu

tidak melebihi syarat2 yang ditentukan.

Bubu tersebut di-perbuat daripada dawai mata punai yang halus, sa-jarak $\frac{1}{2}$ inch, besar-nya kira2 dua kaki persegi dan panjang-nya 4 kaki. Dan hendaklah di-buatkan pintu sa-belah depan dan belakang-nya.

Ketika menggunakan bubu dan belat tersebut hendaklah berkumpul beramai2 dalam sa-buah ladang yang hendak di-bersekan sa-sudah kedua2 peralatan itu di-tempatkan saperti yang tersebut di-atas.

Memburu-nya mulai masa menebas ladang dengan membuat sisa2 tebasan tersebut dengan berlenggok2 supaya tikus2 itu lari berkumpul ka-tempat tebasan yang di-lunggokkan itu, kemudian di-kelilingi oleh belat dan di-penjuru-nya di-letakkan bubu.

Sa-telah siap baharu-lah dimasuki beramai2 dan membersekan ladang tersebut hingga berseh. Lama2 tikus2 itu akan lari mengikuti belat terus kabubu yang di-sediakan.

Perbuatan sa-macam ini boleh menawan lebeh banyak tiap2 kali, chara umpama ini telah mendapat kejayaan sa-sudah di-chuba oleh kakitangan2 dari Jabatan Pertanian.

Satu lagi jenis rachun yang telah berjaya melawan dan menawan beribu2 ekor tikus ia-lah rachun yang bernama "Yellow Phosphorus" masa ini sudah tidak lagi di-gunakan. Tetapi sabagai ganti-nya ia-lah yang bernama "Zane Phosphite" yang berkeadaan serbok.

Rachun ini sangat bisa dan merbahaya jika termakan walau sa-dikit pun, oleh yang demikian sangat-lah mustahak berjaga2 apabila menggunakan-nya. Rachun tersebut boleh di-beli di-mana2 chawangan Jabatan Pertanian dan di-Pusat2 Perchubaan di-seluruh Negeri Brunei.



Satu pemandangan di-rumah sakit besar Bandar Brunei pada masa orang ramai mendaftar nama untok menyuntik bagi melawan penyakit taon. Sa-takat ini lebeh 20,000 orang laki2 dan perempuan telah di-suntik dengan ubat menchegeh penyakit tersebut.

Dalam gerakan melawan penyakit yang telah wabak di-negeri tetangga Brunei pasokan2 perubatan sedang melawat ka-kampong2 di-seluruh negeri.

PEGAWAI2 TERTINGGI KERAJAAN

BANDAR BRUNEI —

Dua orang pegawai tertinggi dalam perkhidmatan awam Brunei telah di-lantik memegang jawatan Timbalan Menteri Besar dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan mulai 1 August ini.

Mereka itu ia-lah Dato Setia Marsal bin Maun dan Dato Setia Pengiran Haji Yusof.

Sa-belum di-umumkan memegang jawatan Timbalan Menteri Besar Dato Setia Marsal ia-lah Timbalan Setia Usaha Kerajaan.

Jawatan Dato Setia Pengiran Haji Yusof sa-belum lantikan-nya yang baharu itu ia-lah Pegawai Penerangan Negara Brunei.

Tarikh2 tayangan wayang gambar

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei akan mengadakan pertunjukan wayang gambar di-beberapa tempat dalam Negeri Brunei pada bulan ini.

Tarikh dan tempat yang diadakan pertunjukan wayang gambar tersebut ada-lah saperti di-bawah ini :

2 August : Kampong Petajian, Brunei.

3 August : Gadong Estate, Brunei dan Sekolah Melayu Danau, Tutong.

7 August : Sekolah Melayu Panchor Murai, Brunei dan Kampong Tumpuan Telisai, Tutong.

8 August : Sekolah Melayu Pengkalan Batu, Brunei.

9 August : Sekolah Melayu Masin, Brunei dan Sekolah Melayu Sungai Liang, Belait.

10 August : Sekolah Melayu Limau Manis, Brunei.

14 August : Bukit Puan, Ulu Belait.

15 August : Sekolah Melayu Rampayoh, Ulu Belait.

16 August : Sekolah Melayu Sim-pang Labi, Ulu Belait.

19 August : Padang Kechil, Kuala Belait.

21 August : Kampong Sungai Lumut, Daerah Belait.

22 August : Sekolah Melayu Kati Mahar, Brunei.

23 August : Sekolah Melayu Birau, Tutong.

24 August : Sekolah Melayu Lamunin, Tutong dan Sungai Damit, Ulu Belait.

26 August : Kampong Pulaie, Berakas.


28 August : Sekolah Melayu Piasau-Piasau, Temburong dan Kawasan Kilang Penapis Ayer, Badas, Daerah Belait.

29 August : Sekolah Melayu Labu Estate, Temburong.

30 August : Sekolah Melayu Baru-Baru, Brunei dan Rumah Orang2 Tua, Seria.

31 August : Kampong Saba Tengah, Brunei.

Tiap2 pertunjukan wayang gambar tersebut di-mulai dari pukul 7.30 malam.



Gambar di-atas menunjukkan rangka bubu yang di-perbuat daripada dawai mata punai yang telah berjaya menawan beberapa ekor tikus sa-telah di-chuba oleh kakitangan Jabatan Pertanian baharu2 ini.

yang chepat membiak kalau dibandingkan dengan lain2 binatang, umpama-nya sa-pasang tikus boleh mengeluarkan anak sa-kurang2-nya di-antara 3 hingga 7 ekor dalam masa tiga bulan sa-kali.

Sa-sudah itu anak-nya megeluarkan anak lagi sa-kurang2-nya 20 hingga 35 ekor, dan sa-terus-nya membawa 4 kali dalam masa sa-tahun hingga membawa ka-angka tidak kurang dari 800 hingga 1,000 ekor.

CHARA YANG MEMUASKAN

Tikus boleh memanjat, mengorek lobang dan menggigit benda2 yang keras. Dari kebolehan-nya ini-lah ia berhasil menyakitkan hati manusia, umpama-nya menchuri dan merusakkan bahan2 tanaman buat mengisikan perut-nya.

Oleh yang demikian chara melawan dan menawan musuh2 itu ada berbagai2 chara dan gava yang boleh di-lakukan, sa-lain dari membunuh dan membenasakan sarang2-nya itu, saperti dengan jalan perangkap yang di-beli di-kedai, apit yang

PERLAWANAN BERENANG PENGAKAP

SERIA. — Pengakap2 di-Daerah Belait telah mengadakan satu pertandingan berenang di-kolam berenang Shell Recreation Club baharu ini2.

Pasokan Pengakap Seria Bahagian Pertama telah menjadi johan. Gelaran naib johan di-menangi oleh Pasokan Pengakap Seria Bahagian Ka-lima dan gelaran yang ka-tiga di-menangi oleh Pasokan Pengakap Panaga Bahagian Pertama.

Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan berenang itu di-sampaikan oleh Puan G. Williams.

HONGKONG TEWASKAN BRUNEI 15-1

BANDAR BRUNEI. — Hong Kong telah mengalahkan Brunei Sports Club dengan 15 gol berbalas satu dalam pertandingan bola sepak di-padang besar di-sini pada petang hari Ahad yang lalu.

Di-antara beribu2 orang yang menyaksikan pertandingan itu ialah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera dan Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei.

Sa-belum pertandingan itu di-mulakan, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah di-perkenalkan kepada pemain2 kedua2 pasukan tersebut.

Dalam masa pertengahan yang pertama Hong Kong telah menang dengan delapan gol tidak berbalas.

Sa-lepas berehat Hong Kong

telah menjaringkan tujuh gol lagi dan Brunei Sports Club mendapat satu gol.

Gol yang tunggal di-dapati oleh Brunei Sports Club itu telah di-jaringkan oleh pemain Hong Kong sendiri sa-minit sa-lepas pertandingan pertengahan yang kedua di-mulakan.

Inche John Then telah mengadilkan pertandingan itu.

Wanita Melayu dengan hokey

SERIA. — Pasokan Hokey Wanita Bandar Brunei telah mengalahkan pasokan Hokey Wanita Sharikat Minyak Shell dengan 4 gol tidak berbalas.

Pertandingan itu di-adakan di-padang Shell Recreation Club baharu2 ini sa-chara persahabatan.

Noraini Ahmad menjaringkan 2 gol, manakala Norsham Ahmad dan Kim Lai menjaringkan satu gol sa-orang bagi Pasokan Bandar Brunei.

Ini-lah kali yang ka-dua pasukan2 tersebut bertanding. Dalam pertandingan yang pertama, kedua2 pasukan telah tidak dapat menjaringkan satu gol pun.

Keputusan penoh sukan Negeri2 British Borneo — Borneo Utara Johan

SERIA. — Pertandingan sukan kawasan Borneo telah di-langsungkan di-gelanggang sukan yang baharu di-sini pada pertengahan bulan yang lalu dengan beroleh kejayaan yang besar.

Borneo Utara telah menjadi johan dalam pertandingan itu, manakala Sarawak naib johan dan Brunei mendapat gelaran yang ketiga.

Dalam pertandingan sukan kawasan Borneo yang telah di-adakan di-Jesselton pada tahun lepas, Borneo Utara juga telah menjadi johan, di-turuti oleh Brunei dan Sarawak.

Ahli2 sukan dari Borneo Utara dan Sarawak telah datang ka-negeri ini untuk mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Mereka sudah pun balek ka-negeri masing2 dengan membawa balek hadiah2 berupa piala2 perak dan sijil2 yang di-menangi.

Sa-lain daripada kejayaan ahli2 sukan lelaki dari Borneo Utara di-lapangan sukan, ahli2 wanita-nya juga telah berjaya di-temasha memilah2 ratu2 kechan-terkan di-Shell Recreation Club, Seria di-antara ahli2 sukan wanita yang mengambil bahagian dalam temasha sukan tersebut.

Puan Irene Pritchard telah menyandang gelaran Ratu Kechanterkan Ahli Sukan Wanita. Gelaran naib johan di-menangi oleh Puan Chew Kwan Mei dan gelaran yang ketiga di-chapai oleh Puan Patricia Stahlmann.

Keputusan penoh pertandingan sukan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini;

Lompat Tinggi (Wanita): 1. Fung Soon San (Borneo Utara); 2. Lim Soon Ching (Sarawak); 3. Vun Fui Thau (Borneo Utara). Tinggi-nya 4 kaki 10½ inci (Rekod baharu).

Baling Piring (Wanita): 1. Chia Fui Yun (Borneo Utara); 2. Song Siew Fong (Sarawak); 3. Shim Shy Moi (Brunei). Jauh-nya 87 kaki 1½ inci.

Lompat Jauh (Lelaki): 1. Zunaidi Hamdan (Brunei); 2. Gubuh (Borneo

Utara); 3. Simon Yee (Sarawak). Jauh-nya 22 kaki 5½ inci.

Lompat Pagar 440 ela (Lelaki): 1. Othman Andu (Borneo Utara); 2. Salleh Wahab (Sarawak); 3. Lau Chee Ching (Sarawak). Masa-nya 58 sa'at (Rekod baharu).

Lumba Lari 220 ela (Wanita): 1. Patricia Stahlmann (Borneo Utara); 2. Irene Pritchard (Borneo Utara); 3. Betty Leong (Brunei). Masa-nya 27.4 sa'at (Rekod baharu).

Lumba Lari Sa-batu (Lelaki): 1. Dilbagh Singh Kler (Borneo Utara); 2. Joseph Chin (Brunei); 3. Grambeh (Sarawak). Masa-nya 4 minit 29.6 sa'at (Rekod baharu).

Lari Berganti2 4 x 110 ela (Lelaki): 1. Sarawak; 2. Brunei; 3. Borneo Utara. Masa-nya 43.3 sa'at (Rekod baharu).

Lompat Pagar 120 ela (Lelaki): 1. Kuda (Sarawak); 2. Stephen Umbol (Brunei); 3. Tan Siew Chee (Sarawak). Masa-nya 15.5 sa'at (Rekod baharu).

Lompat Tinggi Bergalah (Lelaki): 1. Joseph Chua (Sarawak); 2. George Chong (Brunei); 3. Anthony Chong (Borneo Utara). Tinggi-nya 11 kaki 5½ inci.

Baling Peluru (Lelaki): 1. A Sibidol (Brunei); 2. Eric Chin (Borneo Utara); 3. Wilson Chin (Borneo Utara). Jauh-nya 42 kaki 7 inci.

Lompat Jauh (Wanita): 1. Rose Chong (Brunei); 2. Fung Soon San (Borneo Utara); 3. J. Anding (Sarawak). Jauh-nya 16 kaki 1 inci.

Lumba Lari 880 ela (Lelaki): 1. Ajaib Singh Mann (Borneo Utara); 2. Dilbagh Singh Kler (Borneo Utara); 3. Salleh Wahab (Sarawak). Masa-nya 2 minit 0.2 sa'at (Rekod baharu).

Lumba Lari 100 ela (Lelaki): 1. William Lee (Sarawak); 2. A.M. Zaidi (Sarawak); 3. P.C. Duokom (Borneo Utara). Masa-nya 10.1 sa'at (Sama dengan rekod lama).

Lumba Lari 100 ela (Wanita): 1. Patricia Stahlmann (Borneo Utara); 2. Rose Chong (Brunei); 3. Lee Bit Lan (Borneo Utara). Masa-nya 11.9 sa'at.

Lompat Tinggi (Lelaki): 1. Kueh Hong Song (Sarawak); 2. Anthony



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara menyampaikan hadiah kepada sa-orang pemenang.

Chong (Borneo Utara); 3. William Yee (Brunei) dan Ahmad Amin (Sarawak). Tinggi-nya 5 kaki 10½ inci.

Baling Peluru (Wanita): 1. Lai Chui Luan (Sarawak); 2. Wong Mun Yun (Brunei); 3. Fung Soon San (Borneo Utara). Jauh-nya 28 kaki 11½ inci.

Lompat Lembing (Lelaki): 1. A. Sibidol (Brunei); 2. Gubal (Borneo Utara); 3. Bugis (Sarawak). Jauh-nya 167 kaki 9½ inci.

Lumba Lari 440 ela (Lelaki): 1. Ajaib Singh Mann (Borneo Utara); 2. Othman Andu (Borneo Utara); 3. Lau Chee Ching (Sarawak). Masa-nya 52.5 sa'at (Rekod baharu).

Lompat Pagar 80 meter (Wanita): 1. Irene Pritchard (Borneo Utara); 2. Kueh Swee Hong (Sarawak); 3. J. Anding (Sarawak). Masa-nya 13.4 sa'at.

Lompat Kijang (Lelaki): 1. Anthony Chong (Borneo Utara); 2. Sium bin Diau (Borneo Utara); 3. Stephen Umbol (Brunei). Jauh-nya 45 kaki 5 inci.

Baling Piring (Lelaki): 1. Eric Chin (Borneo Utara); 2. A. Sibidol

(Brunei); 3. Kuda (Sarawak). Jauh-nya 124 kaki 1 inci.

Lompat Lembing (Wanita): 1. Chew Kwan Mei (Borneo Utara); 2. Wong Mun Yun (Brunei); 3. Rose Ng (Borneo Utara). Jauh-nya 85 kaki 3 inci.

Lumba Lari 220 ela (Lelaki): 1. William Lee (Sarawak); 2. William Chai (Sarawak); 3. Chang Kam Poh (Borneo Utara). Masa-nya 22.9 sa'at (Rekod baharu).

Lumba Lari Tiga Batu (Lelaki): 1. Dilbagh Singh Kler (Borneo Utara); 2. Grambeh (Sarawak); 3. Avatar Singh (Borneo Utara). Masa-nya 15 minit 26.3 sa'at.

Lumba Lari Berganti2 4 x 110 ela (Wanita): 1. Borneo Utara; 2. Sarawak; 3. Brunei. Masa-nya 53.6 sa'at (Rekod baharu).

Lumba Lari Berganti2 4 x 440 ela (Lelaki): 1. Borneo Utara; 2. Sarawak; 3. Brunei. Masa-nya 3 minit 33.5 sa'at (Rekod baharu).

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

Penuntut2 di-beri peluang menemui Presiden

WASHINGTON: Lebih dari 1,800 orang pelajar belasan-tahun dari negeri2 lain yang belajar di-sekolah2 menengah Amerika sa-tahun yang lalu, telah berpeluang menemui Presiden Kennedy dalam kunjungan mereka ka-Rumah Putih baru2 ini.

Pelajar2 ini datang belajar di-Amerika Sharikat sa-lama sa-tahun dengan biasiswa Perkhidmatan Luar Amerika sa-buah pertubuhan awam, yang bertujuan menggalakkan persahabatan di-antara pelajar2 belasan tahun di-seluruh dunia.

Dalam kumpulan ini ia-lah tujuh gadis dari Singapura, sa-orang gadis dari Borneo, sembilan pelajar dari Persekutuan Tanah Melayu yang di-antar-nya ia-lah Che' Jamaliah Rahmat dari Kelantan, dan Che' Noraini M. Nor dari Selangor.

Beberapa buah kereta telah membawa pelajar2 tersebut ka-Rumah Putih dalam ranchangan kunjungan mereka ka-seluruh Amerika Sharikat sa-lama dua minggu.

ANJONG RUMAAH

Presiden telah keluar ka-anjong Rumah Putih bila beliau mendengar pelajar2 itu berte-riak2, "Kami mahu Kennedy."

Di-antara lain2, Presiden Kennedy berkata, "Saya harap, akan menjadi tujuan awak semua hendak berkhidmat untuk keamanan dan mengadakan perhubungan yang baik di-antara negeri2 awak dengan negeri ini."

Saya harap bila awak semua beredar dari sini, awak akan pergi bukan sa-bagai sa-orang sahabat yang tahu akan kekurangan dan kelebihan2 kami, tetapi yang penting sa-kali ia-lah awak semua tahu dan faham apakah yang kami chuba buat dan menjadikan diri kami."

Presiden Kennedy sempat juga

berjabat tangan dengan beberapa orang dalam kumpulan itu.

Lawatan ka-Rumah Putih itu

ASAS: 3 NEGERI LAGI INGIN MENYERTA PERSATUAN

MANILA. — Menteri Luar Filipina Tuan Felixberto Serrano telah membayangkan bahawa sa-kurang2-nya tiga buah negeri lagi "ingin" menyertai persatuan negara2 Asia Tenggara yang di-chadangkan itu yang di-duga terbentok di-Bangkok awal minggu hadapan.

Tuan Serrano di-temani oleh isteri-nya dan pengiring-nya Major Benjamin Hernandez, telah berlepas dengan kapal terbang ka-Hong Kong dalam perjalanan-nya menuju Bangkok untuk menghadiri sidang peringkat menteri antara Malaya, Siam dan Filipina, yang akan di-mula-kan pada 31 July.

Di-tanya tentang kemungkinan lain2 negeri, khusus-nya Korea Selatan, turut dalam perikatan ekonomi dan kebudayaan kawasan ini, Tuan Serrano menjawab:

"Tidak itu saja. Mungkin dua atau tiga buah negeri lagi ingin turut serta."

Beliau bagaimana pun enggan menjelaskan lebih lanjut.

Tetapi mungkin negeri2 yang di-maksudkan-nya di-samping

ada-lah sa-bahagian daripada ranchangan lawatan mereka ka-bandar Washington D.C., ibu kota Amerika Sharikat sa-lama empat hari.

Kemudian mereka telah pergi ka-bandar New York dan berhimpun di-sa-buah universiti kerana membuat laporan dari hal peninggalan mereka sa-lama sa-tahun dengan keluarga Amerika.

Mereka telah berlepas pulang ka-negeri masing2 pada penghujung bulan yang lepas.

— U.S.I.S.

Korea Selatan, ia-lah China Kebangsaan dan Jepun.

Beliau berkata beliau tidak menyangka sidang Bangkok ini nanti akan menubuhkan sa-buah sekretariat kawasan yang tetap untuk menguruskan soal2 pertubuhan ini.

Beliau berkata ada kemungkinan sekretariat2 itu di-bentuk untuk tiap2 buah negeri dan bertugas serta berhubung rapat antara satu dengan lain.

Sa-buah sekretariat bersama tidak mungkin dapat di-tubuhkan dalam tahun permulaan pertubuhan ini," kata-nya.

Pakar2 pengkaji Filipina yang akan menolok Tuan Serrano di-Bangkok dijadualkan akan berlepas dalam dua rombongan berasing hari ini dan Sabtu.

Tuan Serrano berkata penubuhan ASAS dan gerakan2nya nanti harus membuktikan kepada seluruh negara lain di-Asia Tenggara tentang faedah2 yang boleh di-dapati daripada-nya.

Tuan Serrano dalam perjalanan-nya pulang dari sidang di-Bangkok itu mungkin singgah di-Kuala Lumpur dan Singapura sa-belum pulang ka-Manila pada 4 August.

MESIR BANTU TUNISIA

KAHIRAH. — Republik Arab Bersatu telah menghantar beberapa pasokan bersenjata-nya ka-Tunisia untuk membantu Kerajaan Tunisia menghadapi sebarang kemungkinan.

Di-New York di-bertitikan bahawa satu sidang tergempar Majlis Agung Bangsa2 Bersatu mungkin di-adakan mengenai krisis Bizerta sa-telah Majlis Keselamatan menghadapi jalan buntu mengenai tiga ketetapan yang berasinga.

MALAYA SOKONG TUNTUTAN TUNISIA

NEW YORK. — Persekutuan Tanah Melayu bersama2 37 buah negara lain telah menyokong tuntutan Tunisia supaya tentera Peranchis di-keluarkan dari negeri itu.

Dalam sa-puchok surat kepada pengerusi Majlis Keselamatan negara2 itu berpendapat bahawa keputusan yang di-buat oleh majlis itu haruslah di-jalankan segera dengan tidak di-tangguhkan lagi.

Sementara itu Tunisia telah menuduh Peranchis enggan melaksanakan keputusan Majlis Keselamatan yang menyerukan supaya di-adakan gencatan senjata dan menarik kembali tentera-nya dari Tunisia.

Tuduhan itu terkandung dalam sa-puchok surat yang meminta di-perbaharui pertimbangan mengenai sengketa Bizerta.

Wakil Indonesia, Tuan Mongi Salim, menda'wa bahawa pehak berkuasa tentera Peranchis di-daerah Bizerta telah terang2 melanggar keputusan Majlis Keselamatan dan melakukan tindakan2 yang menentang keputusan yang sa-benar-nya.

Dalam pada itu Presiden Bourguiba telah mengirim surat kepada ketua2 negara Turki, Iran, dan Pakistan mengenai krisis Bizerta itu.

Surat2 itu di-katakan meminta sokongan negeri2 tersebut terhadap perjuangan Tunisia menentang Peranchis.

Undi ta' perchaya di-Dewan

LONDON. — Perdana Menteri British Tuan Harold Macmillan telah memenangi undi kepercayaan terhadap langkah baharu kerajaan-nya untuk berjimat cermat sa-telah menerima bidaan hebat dari pehak pembangkang.

Dalam perdebatan di-Dewan Orang Ramai usul tidak percaya yang di-kemukakan oleh Parti Buruh mengecam ranchangan itu telah kalah dengan 346 undi lawan 238.

Terdahulu dari itu pemimpin Parti Buruh, Tuan Hugh Gaitskell telah mengecam kerajaan kerana tidak mendapatkan sokongan ra'ayat yang sekarang sedang marah dan kechewa.

Teriakan "letak jawatan..." telah kedengaran dari anggota Parti Buruh sa-baik sahaja Tuan Gaitskell mengakhiri bidaan yang hebat di-dalam perdebatan itu.

RUNDINGAN UNTUK MELAKSANAKAN RANCHANGAN EJAAN MELINDO

KUALA LUMPUR. — Tuan Prijono, Menteri Pendidikan, Pelajaran dan Kebudayaan Indonesia telah menjemput Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu untuk berkunjung ka-Indonesia.

Col. Simbolan menyerah diri

JAKARTA. — Sa-orang pegawai tinggi pemberontak Permes-ta, Colonel Maluddin Simbolan telah menyerah diri baharu2 ini dan kembali ka-pangkuhan ibu pertiwi di-Tapanuli, Sumatra Barat.

Ketua pemborontak itu di-iringi oleh kesemua sa-kali pegawai2 yang di-bawah pimpinan-nya.

Simbolan ia-lah panglima di-Sumatra Timur sa-belum beliau menyertai pemberontakan. Beliau kemudian-nya telah memegang satu jawatan dalam Kabinet pemberontak.

Tujuan undangan itu ia-lah untuk memenuhi maksud Perjanjian Persahabatan Indonesia-Malaya terhadap ejaan Melindo.

Tuan Syed Nasir di-jangka berada di-Indonesia kira2 saminggu lama-nya.

Tuan Syed Nasir ia-lah ketua rombongan Malaya yang telah berkunjung ka-Indonesia untuk berunding dengan pehak jawatan kuasa Indonesia berkenaan dengan ejaan itu.

Persetujuan untuk menyamakan ejaan Rumi Melayu dengan ejaan Rumi Indonesia telah tercapai sa-penoh-nya dalam perundingan antara kedua jawatan kuasa dari kedua yang bersidang di-Jakarta pada awal bulan December tahun 1959 dahulu.